

Desa tak mundur

Kuala Lumpur: Walaupun penghijrahan ke bandar berterusan pesat berlaku, namun 40 peratus rakyat di negara ini masih tinggal di luar bandar.

Sehubungan itu, Dekan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Zaid Ahmad berkata, pelbagai insentif diberikan untuk penduduk luar bandar menerusi peruntukan Bajet 2016 diharap dapat memastikan desa terus tidak ditinggalkan.

Beliau berkata, bajet tidak meminggirkan masyarakat luar bandar itu jelas menunjukkan ia agenda besar dalam pembangunan nasional biarpun dalam kewangan negara terbatas.

“Masalah besar dihadapi penduduk luar bandar biasanya dikaitkan dengan infrastruktur. Jalinan akses terbaik sebenarnya secara langsung akan meningkatkan taraf kehidupan, contohnya apabila hasil pertanian mudah dibawa keluar untuk dipasarkan.

“Selain itu, biasanya kita melihat banyak rumah di desa dalam keadaan daif. Ini kerana kos yang tinggi untuk membaik pulih rumah,” katanya.